



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

PROGRAM
MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN KEWANGAN PENGOPERASIAN
TAHUNAN DAN PENUBUHAN PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE)
BAHARU ZON TENGAH TAHUN 2021

LOKASI / TARIKH / MASA
HOTEL EMPRESS SEPANG SELANGOR / 27 MAC 2021(SABTU)
10:30 PAGI

AUDIENCE
PENGERUSI PAWE DAN WARGA EMAS

(A) PENDAHULUAN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia Prihatin.

SALUTASI

- 1. YBr. Pn. Mastura binti Mohamad Darby - wakil**
Timbalan Pengerusi
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

2. **YBrs. Dr. Hishamuddin bin Mohd Hashim - wakil**
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
3. **YBrs. Puan Fatimah Zuraidah Binti Salleh**
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
4. Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif,
5. Pengarah-Pengarah Bahagian,
6. Para Pengerusi PAWE Zon Tengah dan wakil-wakil Pengerusi,
7. Ahli-ahli PAWE Zon Tengah,
8. dan sidang hadirin yang saya muliakan.

(B) KATA-KATA ALUAN

- (1) Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir ke **MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN KEWANGAN PENGOPERASIAN TAHUNAN DAN PENUBUHAN PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) ZON TENGAH TAHUN 2021** pada pagi ini.
- (2) Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan

Masyarakat (JKM) khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor yang sudi menjadi tuan rumah majlis ini.

- (3) Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran semua tetamu khususnya **27 Pengerusi serta wakil Pengerusi PAWE dan warga emas yang kita raikan pada pagi ini.**

(C) TAKRIFAN WARGA EMAS

- (4) **Warga Emas** di Malaysia **ditakrifkan** sebagai mana-mana individu yang **berumur 60 tahun dan ke atas.** Takrifan ini adalah berpandukan kepada takrifan “*World Assembly on Ageing 1982*” yang mengangkat

The International Plan of Action on Ageing (Resolusi UN 37/51) sebagai penanda aras kepada takrifan warga emas pada masa itu.

- (5) Negara kita akan **mencapai status negara tua atau *aged nation* menjelang tahun 2030** apabila dijangkakan **15.3 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk adalah berusia 60 tahun dan ke atas.** Ini adalah berdasarkan unjuran data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.
- (6) Ini bermakna populasi warga emas di Malaysia pada ketika itu akan menjangkau **5.8 juta orang daripada keseluruhan 38.1 juta** jumlah penduduk di negara kita.

- (7) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif dan program dalam usaha memelihara dan menambahbaik kesejahteraan warga emas, keluarga serta komuniti.
- (8) Inilah yang dizahirkan oleh kepimpinan unggul negara **YAB Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi, yang begitu kuat bekerja dan berjuang demi kesejahteraan rakyat biarpun berada di usia emas.**

(D) PELUASAN PAWE BAHARU BAGI PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KEPADA WARGA EMAS

- (9) **Pada 13 Mac 2021 yang lalu saya telah menyampaikan peruntukan penubuhan PAWE baharu dan peruntukan pengoperasian PAWE sedia ada di Negeri Perak.** Sememangnya menjadi matlamat KPWKM untuk memastikan lebih banyak PAWE dapat ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan kepada Warga Emas di seluruh negara.
- (10) Sehingga kini terdapat sebanyak **143 buah PAWE** telah ditubuhkan meliputi **131 kawasan parlimen** di seluruh negara dan beroperasi dengan **ahli berdaftar seramai 47,627 orang** terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum.

- (11) Kerajaan mensasarkan **menjelang 2030, Malaysia akan mempunyai sekurang-kurangnya 1 PAWE di setiap kawasan Parlimen.**
- (12) Setiap tahun jumlah Warga Emas di Malaysia semakin meningkat. Oleh itu, adalah penting bagi warga emas untuk terus kekal aktif dan produktif seiring dengan peningkatan usia mereka. Penubuhan PAWE merupakan salah satu tindakan proaktif Kementerian dalam menyediakan platform untuk warga emas terlibat dalam pelbagai aktiviti yang bermanfaat dan kekal produktif dalam komuniti mereka.
- (13) Kerajaan ingin memastikan agenda ke arah **penuaan sihat, aktif dan produktif** terus dilaksanakan (***Successful Ageing***).

(14) Program-program dan aktiviti-aktiviti di PAWE yang digerakkan dengan penglibatan komuniti setempat, kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan, dilaksanakan berpandukan **lima (5) dimensi yang berkaitan dengan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) seperti berikut:**

- i. **Penuaan Sihat** – Program Kesihatan;
- ii. **Penuaan Aktif** – Program Rekreasi dan sukan;
- iii. **Penuaan Positif**- Program Kerohanian dan Pembelajaran Sepanjang Hayat;
- iv. **Penuaan Produktif** – Program Pemerkasaan ekonomi; dan
- v. **Penuaan Menyokong** – Program khidmat sokongan kepada warga emas/ kesukarelawan.

(15) Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah memperuntukan sebanyak **RM17 juta bagi penubuhan PAWE baharu mulai tahun 2018 hingga 2023 di bawah Rancangan Malaysia Ke - 11.**

(16) Pada **tahun 2020**, walaupun negara kita berdepan dengan wabak COVID-19, JKM telah berjaya menubuhkan sebanyak **11 PAWE baharu** iaitu:

- i. PAWE Kangar, Perlis;
- ii. PAWE Padang Terap, Kedah;
- iii. PAWE Bayan Baru, P.Pinang;
- iv. PAWE Bagan Datuk dan PAWE Langkap, Perak;
- v. PAWE Kg Sungai Udang, Klang Selangor;
- vi. PAWE Taboh Naning, Melaka;

- vii. PAWE Lipis Pahang; serta
- viii. 3 PAWE di Negeri Sabah iaitu PAWE Sandakan, Sipitang dan Semporna.

(17) Pada tahun ini JKM telah diperuntukan sebanyak **RM 2 juta bagi penubuhan 20 buah PAWE baharu.**

(E) PERUNTUKAN PENGOPERASIAN PAWE

(18) Melalui Belanjawan 2021 yang telah diluluskan di Dewan Rakyat, **DENGAN TEMA: TEGUH KITA, MENANG BERSAMA**, Kerajaan telah menaikkan bantuan kewangan tahunan pengendalian **Pusat Aktiviti**

Warga Emas (PAWE) yang dikendalikan oleh NGO daripada RM33,330 kepada RM50,000.

- (19) Ini adalah bukti komitmen dan keprihatinan Kerajaan khususnya dalam menambahbaik perkhidmatan kepada golongan sasaran yang memerlukan. Peningkatan ini merangkumi **pertambahan kepada peruntukan program dan aktiviti PAWE serta kenaikan elaun sukarela, penyelia dan pembantu penyelia** dengan mengambil kira gaji minimum yang telah dikuatkuasakan.
- (20) Kenaikan ini dilaksana bagi mendayaupaya NGO dan komuniti serta memperkasakan PAWE sebagai hab perkhidmatan kepada warga emas bagi persediaan ke arah Negara Tua 2030.

- (21) Sebanyak **RM7.15 juta telah diperuntukkan pada tahun 2021 ini bagi tujuan kelangsungan operasi 143 PAWE sedia ada.**
- (22) Sehubungan itu, bagi memastikan PAWE di Negeri Selangor terus aktif dan produktif, saya **dengan ini mengumumkan Kementerian melalui JKM akan menyalurkan peruntukan berjumlah RM850,000.00 kepada 17 buah PAWE sedia ada di Negeri Selangor bagi tahun 2021 ini. Selangor merupakan negeri yang mempunyai PAWE yang paling banyak di Malaysia iaitu sebanyak 17 buah PAWE.** Tahniah diucapkan.

- (23) **JKM juga telah meluluskan penubuhan sebuah PAWE baharu di Negeri Selangor, iaitu di Parlimen Tanjung Karang dan peruntukan penubuhan berjumlah RM100,000.00 bagi kerja-kerja pembaikan dan pembelian peralatan juga akan disalurkan kepada JKM Negeri Selangor.**
- (24) **Manakala bagi warga emas di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, JKM juga akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM550,000.00 kepada 11 buah PAWE di Kuala Lumpur dan bagi warga emas di Negeri Sembilan peruntukan sebanyak RM300,000.00 kepada 6 buah PAWE akan disalurkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan yang disalurkan kepada PAWE Zon Tengah adalah sebanyak 1.7 juta meliputi 34 buah PAWE.**

- (25) Adalah diharapkan melalui bantuan ini akan memastikan kelestarian operasi PAWE terutamanya PAWE di Zon Tengah ini untuk terus aktif dan produktif.
- (26) Pada 17 Mac 2021, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan suntikan RM20 juta ringgit menerusi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi iaitu PEMERKASA kepada institusi warga emas di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk melaksanakan program keusahawanan. Saya menyeru agar PAWE dapat merebut peluang untuk memperkasakan program keusahawanan yang sedia ada di PAWE.

(F) INISIATIF KEBAJIKAN DAN PEMERKASAAN WARGA EMAS OLEH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

(27) Menyedari peri pentingnya mengekalkan warga emas untuk terus produktif, berdaya saing dan sejahtera, Kementerian juga telah merangka dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif seperti berikut :

PERTAMA : Modul Penjagaan Warga Emas (NOSS)

- Modul ini dibangunkan bagi meningkatkan kualiti penjagaan warga emas. JKM telah dilantik oleh Pihak Jabatan Kemahiran Malaysia (JPK) sebagai Badan Peneraju Industri bagi sektor penjagaan dan perkhidmatan komuniti termasuk bidang penjagaan warga emas.

- JKM juga menggalakkan penjaga di pusat jagaan untuk mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam penjagaan warga emas ini.

KEDUA : Program Imunisasi COVID-19

- Kerajaan juga telah melaksanakan fasa pertama Program Imunisasi **Covid-19 Kebangsaan pada 24 Februari 2021** kepada petugas barisan hadapan.
- Manakala bagi **fasa kedua yang akan bermula pada April**, program ini akan **melibatkan kategori warga emas, pesakit penyakit kronik dan orang kurang upaya (OKU)**. Kementerian sedang bekerjasama rapat bersama Kementerian Sains, Teknologi

& Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menyelaraskan pemberian vaksin kepada Warga Emas khususnya yang berada di pusat jagaan atau pusat aktiviti di bawah kelolaan JKM.

- JKM telah menghubungi MOSTI bagi Program Imunisasi kepada warga emas dan **KKM bersetuju melaksanakan imunisasi COVID-19 bermula di Institusi Kebajikan Warga Emas** yang melibatkan **2,330 orang** sebagai usaha untuk mencegah penularan Covid-19 di institusi warga emas.
- **Seterusnya JKM sedang mengumpulkan data keahlian PAWE bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan bagi sasaran warga**

emas di komuniti yang dijangkakan seramai **lebih 47,000 warga emas di PAWE** dapat menyertai program ini. Sehingga kini sebanyak **18,163 senarai ahli PAWE** telah diterima oleh JKM manakala baki selebihnya akan diperolehi pada minggu hadapan. **Saya menyeru kepada semua rakyat terutamanya warga emas supaya mendaftar untuk menyertai program imunisasi ini melalui saluran yang disediakan.**

- Dalam hubungan ini, saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan untuk **mendaftarkan diri** dalam program vaksinasi kebangsaan **melalui aplikasi MySejahtera dan Kaedah Pendaftaran lain yang telah disediakan seperti melalui Laman Web Khusus Vaksin COVID-19 atau hadir ke Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan.**

KETIGA : Draf Rang Undang-Undang khusus bagi warga emas

- Pada masa ini, Kerajaan juga sedang dalam proses menggubal **satu draf Rang Undang-Undang (RUU) khusus untuk warga emas** bagi memperkukuh perundangan sedia ada. Draf RUU ini akan memberi fokus kepada hak, perlindungan dan kesejahteraan warga emas.
- KPWKM melaksanakan sesi konsultasi dan libat urus bersama-sama pemegang taruh (*stakeholders*) termasuk di negeri-negeri bagi memastikan RUU ini holistik, lengkap dan bersesuaian dengan konteks Malaysia. Kerajaan mensasarkan **RUU ini akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2022.**

KEEMPAT : Kajian bagi Membentuk Model Penjagaan Jangka Panjang yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia

- KPWKM juga prihatin terhadap pelbagai isu-isu spesifik yang dihadapi dalam aspek penjagaan warga emas. Kementerian kini dalam proses meneliti model-model penjagaan jangka panjang sedia ada dan akan menambah baik model tersebut bagi memastikan kesejahteraan warga emas dapat dicapai.

KELIMA : Projek Bandar Mesra Usia (*Age Friendly City*)

- KPWKM dengan kerjasama **Unit Perancang Ekonomi (EPU)** dan ***United Nations Development Programme (UNDP)*** sedang

melaksanakan projek rintis Bandar Mesra Usia atau dikenali sebagai ***Age Friendly City*** di Taiping, Perak.

- Menerusi projek ini, Kementerian akan membangunkan rangka tindakan yang boleh digunakan oleh pihak berkuasa tempatan dalam menyediakan atau menambah baik kemudahan bagi menjadikan sesebuah kawasan atau bandar yang mesra kepada semua peringkat usia termasuk kepada warga emas.

KEENAM : Sistem Warga Emas Nasional

- **Kementerian sedang membangunkan Sistem Warga Emas Nasional (Sistem e-WEN)** bagi memenuhi keperluan untuk

mempunyai sistem maklumat dan data bersepadu berkaitan warga emas.

- Sistem ini dirancang untuk berfungsi bagi tujuan pendaftaran warga emas, suai padan pekerjaan dan perkongsian maklumat, khusus bagi menghasilkan pemetaan warga emas di negara ini pada masa hadapan. Orang awam khususnya warga emas juga boleh menggunakan sistem ini untuk mendaftar sebagai ahli PAWE.

KETUJUH : Bantuan Orang Tua (BOT)

- Bagi warga emas yang miskin dan memerlukan, Kerajaan telah menaikkan **Bantuan Orang Tua (BOT)** daripada **RM350 sebulan** kepada **RM500 sebulan.**

- Bagi Negeri Selangor, kenaikan ini akan memberi manfaat kepada 10,499 penerima bantuan warga emas dengan nilai bantuan dianggarkan berjumlah RM178 juta setahun. Bagi Negeri Sembilan pula sebanyak 8,970 penerima bantuan warga emas dengan nilai bantuan sebanyak RM154 juta setahun manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 2,967 penerima warga emas dengan nilai anggaran bantuan sebanyak RM25 juta setahun.

Kesemua inisiatif yang saya sebutkan tadi dirangka dan dilaksanakan khusus untuk memelihara kesejahteraan dan menambahbaik kualiti hidup warga emas di Malaysia.

Kerajaan khususnya KPWKM, amat mengambil berat dan prihatin terhadap keperluan rakyat, dan akan sentiasa berusaha memenuhi ekspektasi semua pihak yang berkepentingan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat lebih berkesan dan benar-benar sampai kepada kumpulan sasar.

(G) PENUTUP

- (28) Kesedaran mengenai penuaan perlu diterapkan daripada peringkat awal sebagai persediaan menghadapi usia tua. Pelbagai aspek perlu diambil kira khususnya aspek emosi, kewangan, kesihatan, persekitaran, persediaan minda dan sebagainya.

- (29) Sistem sokongan yang utuh perlu disediakan tidak kiralah daripada sudut penyediaan infrastruktur atau pun sokongan sosial di peringkat keluarga, komuniti atau masyarakat di seluruh negara. Kerjasama erat daripada pihak media, komuniti dan Badan bukan Kerajaan (NGO) amat diperlukan.
- (30) Adalah menjadi **harapan KPWKM** untuk **meningkatkan fungsi PAWE sebagai pusat komuniti yang unggul** bukan sahaja dapat memberi manfaat yang optimum kepada warga emas, tetapi juga merupakan satu pusat komuniti setempat yang dapat memberi manfaat, menyumbangkan kepakaran kepada komuniti serta dapat memupuk amalan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat.

- (31) Kepada pengendali-pengendali PAWE yang akan menerima peruntukan pada hari ini, tahniah dan terima kasih atas usaha keras anda memastikan Pusat Aktiviti Warga Emas ini sentiasa beroperasi dengan baik. Pesan saya, uruskanlah PAWE-PAWE ini dengan penuh bertanggungjawab. Carilah ruang dan peluang untuk menambahbaik program-program atau aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di PAWE supaya kekal relevan dan bersesuaian dengan situasi semasa. Saya percaya anda semua mampu melakukannya.
- (32) Tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor, Pengerusi PAWE

dan NGO dan semua warga emas yang menyumbang sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.

(33) **Saya zahirkan rasa penghargaan ini dengan pantun berikut:**

Cantik sungguh menenun tekat
Tekak dibuat sebenang kasa
Warga emas teras masyarakat
Terus bersemangat menabur jasa

(34) Akhir kata, dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim saya dengan rasa penuh kesyukuran merasmikan **MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN KEWANGAN PENGOPERASIAN TAHUNAN DAN PENUBUHAN PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) ZON TENGAH TAHUN 2021**

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.